

**NO. SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN [PADANG SERAI]**

**TARIKH : 18 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8989**

**SOALAN:**

**Tuan N. Surendran [ Padang Serai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa Akta Hasutan 1948 masih tidak dimansuhkan walaupun akta tersebut yang bercanggah dengan hak asasi bersuara telah menjejaskan imej negara berikutan kritikan berterusan oleh badan-badan, negara-negara dan masyarakat antarabangsa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah bertindak tepat apabila menyatakan pendirian yang jelas untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan membuat penambahbaikan tertentu. Ini kerana Akta Hasutan 1948 ini telah sekian lama digunakan semenjak ianya dikuatkuasakan dan terbukti keberkesanannya sebagai alat yang paling berkesan untuk menghadapi isu-isu berbaur hasutan dalam memastikan keamanan yang dikecapi selama ini terus terpelihara.**

**Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Hasutan 2015 tersebut telah pun dibentang dan diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada 9 April 2015 manakala di Dewan Negara pula pada 28 April 2015. Pindaan tersebut telah pun diperkenan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong pada 28 Mei 2015 dan diwartakan pada 4 Jun 2015. Bagaimanapun tarikh kuat kuasa bagi pindaan Akta ini masih belum ditetapkan lagi.**

**Kerajaan menzahirkan ucapan syabas dan ribuan terima kasih kepada Kerajaan dan agensi yang telah bersedia dari awal lagi untuk menggubal Akta ini sebelum sesuatu peristiwa yang tidak diingini berlaku. Memandangkan Akta ini masih lagi relevan sehingga ke hari ini, maka kita seharusnya menyokong agar ianya dikekalkan.**